



Headline: Tumpu kes scam
Publication/Portal: Sinar Harian
Date: 21 October 2019

Language: Malay
Section: Nasional
Page: 33

Tumpu kes scam

Polis Negeri Sembilan pantau kegiatan sindiket penipuan

NORAFIDAH ASSAN

SEREMBAN

Polis Negeri Sembilan kini memberi keutamaan kepada sindiket penipuan Macau Scam berikutan laporan berhubung kes itu meningkat dari semasa ke semasa.

Ketua Polis Negeri Sembilan, Datuk Mohamad Mat Yusop berkata, kesedaran masyarakat amat penting selain penerangan sama ada daripada peringkat negeri dan daerah berhubung kes itu su-



Mohamad (tengah) pada sidang akhbar selepas Program Townhall Discussion semalam.

paya tidak ada lagi yang menjadi mangsa.

"Jabatan Siasatan Jenayah Komersial kini menumpukan perhatian terhadap isu-isu scammer. Jadi pihak media tolong sebarkan kepada masyarakat supaya berhati-hati dengan panggilan telefon da-

ripada orang menyamar dan sebagainya.

"Kesedaran masyarakat amat penting dan kita sentiasa memberi penerangan sama ada di peringkat negeri dan daerah berhubung kes ini agar tiada lagi yang menjadi mangsa," katanya pada sidang akhbar

selepas Program Townhall Discussion di sini semalam.

Terdahulu dalam ucapannya Mohamad berkata, golongan profesional juga tidak terkecuali menjadi sasaran ahli sindiket penipuan termasuk peguam dan doktor.

"Walaupun kes penipuan ini tidak mengancam nyawa tetapi melibatkan kerugian yang tinggi kepada mangsa," katanya.

Sementara itu, ketika diminta mengulas mengenai kes samun bersenjata di kedai pengurup wang di sebuah pusat membeli-belah di Port Dickson Isnin lalu, Mohamad berkata, setakat ini tiada tangkapan baru dibuat.

Pada Rabu lepas tiga suspek berjaya ditahan manakala tiga lagi diburu polis melibatkan kes samun itu yang menyebabkan kerugian lebih RM50,000.